

AMALAN TAWASSUL DALAM ILMU TAREKAT

The Practice Of Seeking Intercession In The Sufi Path

Faudzinain Badaruddin*

Muhammad Khairi Mahyuddin**

ABSTRACT

Sufism is a spiritual science of Islam. It is practiced out of the desire to get closer to Allah SWT. To obtain its goal, the Sufi masters have designed several concepts that are helpful for the aspirants of Sufism as tools for achieving their goals. One of the tools is the practice of tawassul (mediation or seeking a means of nearness to Allah). In general, it is a practice in Islam, provided that it does not contradict the principal teaching of Islam. In Sufism, the practice of tawassul is embedded in the several concepts and practices of Sufism and tariqa (Sufi path). This article has two purposes. Firstly, to describe the forms of tawassul practice found in the practice of Sufism and tariqa. Secondly, to give an analysis of the relation between the practice of tawassul with the science of Sufism and tariqa. The writing of this article uses a qualitative approach using the approach of content analysis. The data was then analyzed inductively and deductively. This writing found that the application of tawassul practice is deeply embedded within several tariqa concepts and practices such as al-dhikr, silsilah, and readings of Hizb or Wird and practice daily. The finding thus

* Associate Prof., Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia (UKM), 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. fnaim@ukm.edu.my.

** Associate Prof., Faculty of Leadership and Management, Islamic Science University of Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. muhdkhairi@usim.edu.my.

explains the true application of the term ‘tariqa’ within the context of shari ‘ah, that is, to realize the teaching of Islam in action. Hence, in general, the spiritual practice of tariqa is, in fact, the practice of the commandment of Islam.

Keywords: Tawassul, Sufism, Tariqa, Dhikr, Waṣilah

PENDAHULUAN

Tawassul adalah salah satu amalan yang wujud dalam ajaran Islam. Secara amnya, ia merujuk kepada amalan berdoa kepada Allah SWT dengan menggunakan *waṣilah* atau perantaraan yang dibenarkan dalam ajaran Islam. Tawassul dari segi bahasa mempunyai erti *darjah* (kedudukan), *qurbah* (kedekatan) dan *waṣilah* (penyampai atau penghubung). Contohnya dikatakan ‘*waṣala fulān ilā Allah*’ dengan erti ‘*amala amalan taqarraba bihi ilayhi*’,¹ iaitu “seseorang yang melakukan perbuatan, yang mana, dengan amalan itu dapat mendekatkan diri kepada Allah.”

Dari segi istilah syarak, tawassul bermaksud “mendekatkan atau mendampingkan diri kepada Allah dengan mentaati-Nya, beribadat kepada-Nya dan dengan mengikuti Nabi-Nya juga dengan melakukan amalan yang disukai dan direndai oleh-Nya.”² Shaykh Sayyīd Muḥammad Ibn ‘Alawi al-Mālikī mendefinisikan tawassul sebagai:

كل ما جعله الله سبباً في الزلفى عنده ووصلة إلى قضاء الحاج

Maksudnya: “Segala sesuatu yang dijadikan “sebab” oleh Allah untuk *taqarrub* kepada-Nya dan penyambung untuk memperoleh hajat.”³

¹ Ibrāhīm Muṣṭafa, *Mu‘jam al-Wasīṭ* (İstanbul: al-Maktabah al-Islāmīyah, t.t), 1032.

² Al-Rifā‘ī, Muḥammad Nasīb, *al-Tawaṣul ila Haqīqat al-Tawaṣul Bayna al-Mashrū‘ wa al-Mamnū‘* (T.tp.: Mu‘assah al-Da‘wah al-Salafiyah wa Khidimiha, 1979), 20.

³ Al-Mālikī, Sayyīd Muḥammad ‘Alawi, *Maqāfīh Yajibu an Tuṣāḥḥah* (Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah, 2011), 126.

Secara amnya, tawassul ini dapat disimpulkan sebagai suatu perlakuan sama ada berbentuk amal atau doa yang ditujukan kepada Allah SWT dengan menjadikan sesuatu sebagai *waṣilah* atau perantara sebagai sebab untuk mendekatkan diri kepada Allah atau dikabulkan hajat. Keharusan amalan ini sebenarnya adalah datang daripada perintah Allah SWT di dalam al-Quran dan perkhabaran oleh Rasulullah SAW melalui hadis. Antara ayat-ayat yang menjadi hujah tawassul ini adalah seperti firman Allah SWT:

(a) يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجْهِدُوا فِي سَبِيلِهِ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya (dengan mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan.”⁴

(b) أُولَئِكَ الَّذِينَ يَدْعُونَ إِلَى رَحْمَمِ الْوَسِيلَةِ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ وَيَرْجُونَ
رَحْمَتَهُ، وَيَخَافُونَ عَذَابَهُ، إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ مَحْذُوراً

Maksudnya: “Orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampingkan diri kepada Tuhan mereka (dengan berbuat ibadat), sekali pun orang yang lebih dekat kepada Tuhan mereka, serta mereka pula mengharapkan rahmat-Nya dan gerun takut akan azab-Nya; sesungguhnya azab Tuhanmu itu, adalah (perkara yang semestinya) ditakuti.”⁵

⁴ Surah *al-Mā''idah*, 4: 35.

⁵ Surah *al-Isrā'*, 16: 57.

Manakala dalam hadis pula diriwayatkan oleh Uthmān Ibn Ḥunayf:

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ حُنَيْفٍ أَنَّ رَجُلًا ضَرِيرُ الْبَصَرِ أَتَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ عَلَمْنِي دُعَاءً أَدْعُوكَ بِهِ يَرِدُ اللَّهُ عَلَيَّ بَصَرِيِّ، فَقَالَ لَهُ قُلِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ وَاتَّوَجَّهُ إِلَيْكَ بِسَيِّكَ تَبِي الرَّحْمَةُ يَا مُحَمَّدُ إِنِّي قَدْ تَوَجَّهْتُ إِلَيْكَ إِلَيْ رَبِّي اللَّهُمَّ شَفِعْهُ فِي وَشَفَعْيِنِي نَفْسِي فَدَعَا بِهِذَا الدُّعَاءِ فَقَامَ وَقَدْ أَبْصَرَ

Maksudnya: “Dari Uthmān Ibn Ḥunayf: Suatu hari seorang yang buta datang kepada Rasulullah dan berkata: Wahai Rasulullah, ajarkan saya sebuah doa yang akan saya baca agar Allah mengembalikan penglihatan saya. Rasulullah berkata: Bacalah: Ya Allah sesungguhnya aku meminta-Mu dan menghadap kepada-Mu dengan (keberkatan) Nabi-Mu yang penuh kasih sayang, wahai Muhammad sesungguhnya aku menghadap kepadamu dan minta melaluimu, Ya Allah kabulkan permintaannya bagiku untuk mendapat kesembuhan dan kabulkanlah permintaanku. Kemudian dia berdoa dengan doa tersebut lalu dia berdiri dalam keadaan boleh melihat.”⁶

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan hadis di atas, kaedah amalan bertawassul ini tidak bertentangan dengan ajaran Islam kerana permintaan tersebut adalah kepada Allah SWT semata-mata untuk dimakbulkan segala yang dihajati oleh orang yang bertawassul. Penggunaan *waṣīlāh* dalam amalan tawassul hanyalah sebagai sebab atau sandaran majazi sahaja,⁷ bukan jaminan mutlak sesuatu hajat itu dimakbulkan.

⁶ Al-Ḥākim al-Naysābūrī, *al-Mustadrak ‘ala al-Šāhīhayn*, ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā (Beirut: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah, 1990), Kitab al-Du‘ā’ wa al-Takbīr wa al-Taḥlīl wa al-Tasbīh wa al-Dhikr, no. hadith 1929, 1: 707; Al-Mālikī, Muḥammad ‘Alawi, *Mafāhīm Yajibu an Tuṣāḥḥah* (Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah, 2011), 120.

⁷ Al-Mālikī, Muḥammad ‘Alawi, *Mafāhīm Yajibu an Tuṣāḥḥah*, 79.

Perkara perlu difahami oleh orang yang menggunakan *waṣīlah* dalam amalan tawassulnya. *Waṣīlah* atau perantaraan itu tidak mempunyai sebarang kuasa sama ada untuk mendatangkan manfaat atau memberikan mudarat. Di samping itu, amalan tawassul juga bukanlah suatu kewajipan ke atas setiap Muslim untuk mengamalkannya. Jika seorang itu mahu mengamalkannya, maka ia perlu memahami hakikat amalan tersebut secara sahih. Berdasarkan kepada pengertian tawassul yang sedemikian, maka beberapa istilah lain yang mengandung makna dan kefahaman yang sama seperti *al-tashāffū'*, *al-isti'ānah al-tajawwuf* dan *al-istighāthah* tidaklah ditolak secara mutlak oleh para *fuqahā'* Islam.⁸

Oleh kerana amalan tawassul adalah amalan yang dianjurkan dalam Islam berdasarkan firman Allah yang telah dinyatakan di atas dan hadis-hadis, maka para ulama telah membahagikan amalan ini kepada tiga bentuk dan hukum yang jelas mengenainya seperti berikut:⁹

i. Amalan Tawassul Yang Harus.

Amalan tawassul jenis ini merujuk kepada beberapa bentuk seperti tawassul dengan menggunakan nama-nama (*al-Asmā' al-Husnā*) Allah SWT yang indah dan sifat-sifat kesempurnaan-Nya, bertawassul dengan keimanan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW serta amalan soleh ketataan perintah Allah SWT, bertawassul dengan amal-amal salih yang dilakukan oleh seseorang dan bertawassul mengguna kedudukan nama Nabi Muhammad SAW dan orang-orang salih ketika mereka masih hidup. Kesemua amalan tawassul ini adalah harus dalam Islam.

ii. Amalan Tawassul Yang Haram.

Tawassul ini merujuk kepada amalan berdoa menggunakan *waṣīlah* yang dilarang dalam Islam kerana mengandungi unsur syirik. Perkara ini terjadi apabila *waṣīlah* yang digunakan itu dipercayai mempunyai kuasa

⁸ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsu 'ah al-Fiqhiyyah*, ed. 3 (Kuwayt: Taba'ah Dhat al-Salāsil, 1986), 3: 22; 14: 150.

⁹ Faudzinaim Badaruddin et.al. Kajian Semula Kedudukan Tawassul, Rabitah, Wahdat al-Wujud dan Yaqazah, Laporan Kajian Penyelidikan Fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Putrajaya: JAKIM, 2019), 55-74.

mutlak untuk menerima permintaan orang yang melakukan amalan itu. Perbuatan ini adalah termasuk dalam kesyirikan kepada Allah SWT. Oleh kerana itu, tawassul kategori ini disepakati keharamannya kerana bentuk pengamalannya yang bercanggah dengan prinsip-prinsip ajaran Islam.

iii. Tawassul Yang *Khilāf*

Bentuk tawassul ini merujuk kepada bertawassul dengan para nabi atau orang salih yang telah mati. Para ulama mempunyai perselisihan (*khilāf*) pendapat. Secara umumnya, terdapat dua pandangan ulama yang mengharuskan dan yang mengharamkannya. Golongan ulama yang mengharuskan berpendapat bahawa *waṣilah* tersebut bukanlah dimaksudkan kepada zat orang yang mati, tetapi kepada kedudukan *waṣilah* itu di sisi Allah SWT berdasarkan amal soleh mereka disisi-Nya. Kumpulan majoriti ulama yang membenarkan pula berpendapat bahawa bertawassul dengan Nabi SAW atau *awliyā'* yang telah wafat hanyalah sandaran majazi sahaja. Amalan ini tidak boleh disesatkan dan dibidaahkan kerana ia masih menjadi khilaf antara ulama.

Oleh itu, pengamalan tawassul bentuk yang ketiga ini haruslah disertai dengan iktikad yang sahih menurut Islam. Setiap doa itu hanyalah ditujukan kepada Allah SWT yang mempunyai kuasa mutlak untuk memberi manfaat atau menolak mudarat. *Waṣilah* yang digunakan hanyalah terletak atas prinsip bahawa ia hanyalah sandaran majazi semata-mata, bukan tempat tujuan permintaan. Malahan, orang yang dijadilah *waṣilah* itu, sama ada hidup ataupun mati, tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memberi manfaat ataupun mudarat.

Bagi golongan ulama yang mengharamkannya pula berpegang kepada ketiadaan dalil atau contoh daripada Nabi Muhammad SAW dan para Sahabat RAH yang dapat menjadi hujah yang menunjukkan keharusan amalan tawassul dengan cara ini, justeru menolak kaedah pendalilan golongan yang pertama. Di samping itu, golongan ulama ini menolaknya berdasarkan interpretasi mereka terhadap nas dan cara memahami hakikat kematian.

Di samping itu, perkara ini bukan termasuk bahagian *usul* akidah. Sebaliknya, isu ini adalah termasuk dalam *furū'* amali yang boleh diamalkan atau ditolak tanpa menjelaskan kedudukan iman mana-mana pihak. Mereka yang beramal dengannya perlu memahaminya dengan kaedah dan iktikad yang benar menurut prinsip akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan bertepatan dengan syariat Islam. Suatu perkara yang tidak harus dilupakan bahawa penggunaan *waṣīlah* dalam usaha seorang murid tarekat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT adalah bergantung secara mutlak di atas kehendak Allah SWT. Ini bermakna, amalan tawassul bukanlah suatu jaminan atau kepastian bahawa keinginan atau cita-cita seorang murid akan tercapai melalui amalan tawassul.¹⁰

ILMU TASAWUF DAN TAREKAT

Ilmu tasawuf adalah salah satu rukun ajaran Islam di samping ilmu akidah dan ilmu fekah. Kewujudannya yang bermula dengan penghayatan hidup berasaskan kezuhudan telah berubah menjadi sebuah disiplin ilmu Islam pada zaman perkembangan ilmu-ilmu Islam pada abad kedua dan ketiga Hijrah. Pada zaman ini, ilmu tasawuf dikenali sebagai sebuah ilmu yang menumpukan kepada aspek *tazkiyat al-nafs* atau penyucian jiwa. Begitulah perkembangan ilmu tersebut hingga ke abad keenam Hijrah.

Oleh kerana itu, tidak menghairankan jika tidak terdapat takrif-takrif ilmu tasawuf yang jelas sebelum abad keenam Hijrah, tidak terdapat. Sebaliknya, apa yang boleh diperolehi daripada kitab-kitab tasawuf sebelum adab tersebut ialah pelbagai definisi yang bersifat gambaran dan huraiyan tentang *aḥwāl al-sālikīn*, *tajribah al-ruḥiyyah* dan *aḥwāl al-ṣufiyyah* yang terjadi sepanjang penghayatan ilmu tersebut. Akibat daripada kepelbagaiannya daripada sisi gambaran dan huraiyan individu mengenai ilmu tasawuf itu, maka wujud ribuan takrif ilmu tasawuf.¹¹ Oleh kerana itu, Shaykh Ahmad Ibn Ahmad al-Fasi

¹⁰ Perbahasan lanjut mengenai perkara ini, rujuk Faudzinain Badaruddin et.al. Kajian Semula Kedudukan Tawassul, Rabithah, Wahdat al-Wujud dan Yaqazah, Laporan Kajian Penyelidikan Fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 61-74.

¹¹ Kepelbagaiannya definisi ilmu ini boleh dilihat dalam Al-Ṭūsī, Abū Naṣr al-Sarrāj, *al-Luma' fi al-Taṣawwuf*, ed. 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd and Ṭaha 'Abd al-Bāqī Surūr (Miṣr:

mengatakan bahawa terdapat sekitar lebih dua ribu takrif mengenai ilmu tasawuf. Namun begitu, jumlah ribuan takrif tersebut, menurut Ahmad Zarrūq, semuanya merujuk pada makna “*sidq al-tawajjuh ila Allāh ta ‘āla.*”¹²

Setelah abad keenam Hijrah, perkembangan dan penghayatan ilmu tasawuf telah digerakkan menggunakan institusi tarekat. Tarekat atau *al-ṭarīqah* merupakan sebuah institusi yang diasaskan oleh para ulama untuk menjadi tempat pendidikan rohani atau jiwa para salikin yang ingin mencapai *taqarrub* (kedekatan) dengan Allah SWT. Ia adalah *al-madrasah al-ruhāniyyah* yang khusus dibangunkan secara rasmi pada abad keenam Hijrah. Melalui institusi tarekat, ilmu tasawuf mula diajar dengan kaedah yang lebih sistematik bagi mencapai tujuan ilmu tasawuf iaitu *taqarrub ila Allāh* melalui pendekatan *tazkiyat al-nafs* dan *ḥuḍūr al-qalb ma ‘a Allāh*.

Bagi mencapai tujuan ilmu tasawuf melalui pendekatan tarekat, maka para *mashā’ikh* tasawuf mula menyusun dan merencanakan amalan-amalan bagi para pengikut mereka yang dikenal dengan *murīdīn* dan *sālikīn*. Perkembangan ini kemudian membawa kepada perubahan dalam menanggapi matlamat dan tujuan ilmu tasawuf. Para tokoh tasawuf mula memberikan pengertiannya berdasarkan menurut perspektif ilmu tarekat. Antara contoh yang dapat dinyatakan di sini ialah;

- i. Abū al-Ḥasan al-Shādhilī (593–656/1196–1258): Melatih hawa nafsu ke arah pengabdian kepada Allah dan menundukkan nafsu di bawah hukum hakam-Nya.¹³
- ii. Shaykh Zakariyyā al-Ansārī (823– 926/1420–1520): Tasawuf adalah sebuah disiplin ilmu untuk mengetahui cara-cara

Dār al-Kutūb al-Ḥadīthah, 1960); Al-Qushayrī, ‘Abd al-Karīm ibn Hawāzin, *al-Risālah al-Qushayriyyah* (Kaherah: Dār al-Kutūb al-Ḥadīthah, 2000); Al-Kalābādhī, Abū Bakr Muhammad, *al-Ta ‘ārruf li Madhhab al-Taṣawwuf* (Beirut: Dār al-Sādir, 2001).

¹² Al-Jazā’iri, Abī Yaḥyā al-Ḥaddād, *Sharah al-‘Allāmah Ibn Zikri al-Fāstī ‘alā Qawā'id al-Taṣawwuf li Shaykh Zarrūq* (Kaherah: Al-Maktabah al-Tawfiqiyah, 2018), 60.

¹³ Isa, ‘Abd al-Qādir, *Haqā'iq ‘an al-Taṣawwuf* (Norwich: Diwan Press, 2005), 14.

membersihkan hati dan memuliakan akhlaq serta membangun jiwa dan raga demi meraih kebahagiaan yang kekal abadi.¹⁴

- iii. Shaykh Muḥammad Amīn al-Kurdī al-Irbilī (w.1914): Suatu ilmu yang membolehkan seseorang mengenal hal-hal jiwa sama ada ia bersifat terpuji atau terkeji, serta cara-cara membersihkannya daripada sifat terkeji dan menghiaskannya dengan isfta-sifat terpuji, dan cara bersuluk menuju Allah.¹⁵

Tiga pengertian di atas memberikan gambaran umum yang mudah dan jelas mengenai tujuan utama ilmu tasawuf dan tarekat. Ilmu ini bertujuan untuk melatih dan mendidik jiwa manusia dengan sifat-sifat yang mulia dan terpuji dan terhindar daripada sifat-sifat hina dan keji. Matlamat dan tujuan ilmu ini adalah selari dengan ajaran Islam di dalam al-Quran seperti:

(a) وَذَرُوا ظُهُرَ الْإِلَمْ وَبِاطِنَهُ إِنَّ الَّذِينَ يَكْسِبُونَ الْإِلَمْ سَيُجْزَوْنَ بِمَا كَانُوا يَفْتَرُفُونَ

Maksudnya: “Dan tinggalkanlah kamu dosa yang nyata dan yang tersembunyi. Kerana sesungguhnya orang-orang yang berusaha melakukan dosa, mereka akan dibalas dengan apa yang mereka telah lakukan.”¹⁶

(b) الَّذِينَ يَجْتَبِيُونَ كَبِيرَ الْإِلَمْ وَالْغَوْحَشَ إِلَّا اللَّهُمَّ إِنَّ رَبَّكَ وَسِعَ الْمَغْفِرَةِ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنْشَأَكُمْ مِنْ أَلْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَحِنَّةٍ فِي بُطُونِ أَمْهِنِكُمْ فَلَا تُنْزِكُوْنَ أَنْفُسَكُمْ هُوَ أَعْلَمُ بِمِنْ أَنْتَقَى

Maksudnya: “(Iaitu) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji, kecuali salah silap yang kecil-kecil (yang mereka terlanjur melakukannya, maka itu dimaafkan). Sesungguhnya

¹⁴ *Ibid*, 13.

¹⁵ Al-Kurdī, Muḥammad Amīn al-Irbilī, *Tanwīr al-Qulūb fi Mu'amalāt 'Allām al-Ghuyūb* (T.tp: Al-Maktabah al-Tawfiqiyah, 1991), 395.

¹⁶ Surah al-An 'ām, 6: 120.

Tuhanmu Maha Luas keampunan-Nya. Ia lebih mengetahui akan keadaan kamu semenjak Ia mencipta kamu (berasal) dari tanah, dan semasa kamu berupa anak yang sedang melalui berbagai peringkat kejadian dalam perut ibu kamu; maka janganlah kamu memuji-muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dia lah sahaja yang lebih mengetahui akan orang-orang yang bertaqwā.”¹⁷

(c) فَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكِّيَهَا وَقَدْ حَابَ مَنْ دَسَّنَهَا

Maksudnya: “Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).”¹⁸

Dengan penggerakan ilmu tasawauf melalui institusi tarekat, para tokoh sufi mula mensistemkan amalan-amalan Islam dalam bentuk konsep dan adab melalui amalan dan tulisan kitab-kitab mereka. Penyusunan tersebut secara zahirnya mempunyai persamaan dan perbezaan antara kumpulan tarekat kerana susunan tersebut adalah natijah amalan dan pengalaman para sufi yang telah terlebih dahulu mengamal segala amalan tersebut. Walaupun tidak wujud keselarasan mengenai susunan amalan dan adab yang diperkenal, namun setiap kumpulan tarekat yang benar tetap mempunyai tujuan yang sama iaitu menyediakan satu panduan *ta’lim* (pengajaran) dan *irshād* (bimbingan) kepada para pengikut tarekat. Maka, dari sisi amalan yang disusun di bawah beberapa konsep ilmu tarekat tasawuf itu mencerminkan penghayatan tawassul yang dianjurkan dalam Islam.

¹⁷ Surah *al-Najm*, 53: 32.

¹⁸ Surah *al-Shams*, 91: 9-10.

PENGHAYATAN AMALAN TAWASSUL DALAM TAREKAT TASAWUF

Secara khusus, penghayatan amalan tawassul dalam amalan tarekat tasawuf merupakan perbuatan amali yang dimasukkan oleh para *mashā'ikh* tasawuf di bawah beberapa konsep dan adab. Ia dapat dibahagikan kepada dua kaedah iaitu asas dan pelengkap. Kaedah asas merujuk amalan utama dalam tarekat yang tidak boleh diabaikan iaitu konsep *al-dhikr* dan konsep *silsilah*. Manakala kaedah pelengkap pula merujuk kepada pendekatan sampingan yang membantu peningkatan kerohanian dan penghayatan amalan iaitu pembacaan *manāqib*, *wird* dan *hizb*.

Konsep *al-Dhikr*

Konsep *dhikr Allah* atau mengingati Allah merupakan salah satu daripada rukun penting institusi tarekat tasawuf. Amalan ini bertujuan untuk mendidik hati para *sālikīn* supaya sentiasa ingat Allah. Ia dilakukan melalui kaedah pengulangan Nama-Nama Allah SWT dengan kadar bilangan yang banyak agar kebiasaan pada lidah salik akan meninggalkan kesan kepada hatinya hingga mencapai tahap *murāqabah* dan *mushāhadah* dengan Allah SWT.

Dalam ilmu tasawuf, dosa atau maksiat batin atau najis *ma'nawiyyah* yang melekat pada hati manusia merupakan salah satu faktor yang menjadi halangan kepada manusia untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah SWT. Ia adalah seumpama najis zahir yang menghalang manusia daripada melakukan ibadat solat. Oleh itu, para *mashā'ikh* tasawuf menekankan keperluan untuk melakukan *tazkiyat al-nafs* melalui usaha *takhallī*, iaitu membersihkan hati daripada sifat-sifat *madhmūmah* dan *taħallī*, yakni menghiasi hati dengan sifat-sifat *mahmudah*.¹⁹ Proses pembersihan hati (*tasfiyat al-qalb*) ini dilaksanakan melalui pendekatan amalan zikir.

Dalam konteks amalan tarekat, amalan zikir ini adalah zikir yang diijazahkan oleh seorang *shaykh murshīd* atau *shaykh talqīn* ketika awal

¹⁹ Al-Kurdi, *Tanwīr al-Qulūb fi Mu'amalāt 'Allām al-Ghuyūb*, 488.

perjalanan tarekat seorang pengamal tarekat. Situasi penerimaan zikir ini diistilahkan sebagai *talqīn al-dhikr*. Dari segi bahasa, *talqīn al-dhikr* itu bererti “mengajar zikir.” Secara hakiki, *talqīn al-dhikr* bermaksud penanaman kalimat *lā ilaha illa Allāh* ke dalam ruh murid oleh guru mursyid. Dalam bentuk praktikal tarekat, ia merujuk kepada kaedah atau kaifiat pengamalan zikir harus dilaksanakan. *Talqīn* zikir ini adalah pengajaran pertama guru mursyid kepada muridnya tentang kaedah pengamalan zikir mengikut tarekat guru tersebut. Pengambilan zikir daripada seorang guru mursyid ini dengan kaifiyat serta adab-adabnya disebut sebagai zikir *darajah*.

Para ulama tasawuf membahagikan zikir kepada dua jenis iaitu zikir *ḥasanah* dan zikir *darajah*. Zikir *ḥasanah* adalah amalan zikir umum yang dilakukan untuk memperoleh pahala daripada Allah SWT. Zikir *darajah* pula ialah zikir *hudūr*, yakni kehadiran hati mengingati TuhanYa ketika bacaan zikir tertentu dilaksanakan, dengan kaifiat tertentu bertujuan untuk mencapai makrifah terhadap Allah melalui pembersihan hati daripada sifat-sifat keji dari pengaruh dunia, menghiasinya dengan sifat-sifat mulia dan meningkatkan *maqām* kesedaran hati salik daripada *ghaflah* kepada *yaqaṣah* (hati yang hidup).²⁰

Dalam erti kata lain, *talqīn* zikir adalah petunjuk dan penjelasan daripada seorang guru mursyid sebagai pemegang rasmi *talqīn* atau oleh seorang yang diberi kebenaran untuk menyampaikan *talqīn* tersebut atas nama mursyid yang disebut wakil *talqīn* mengenai kaifiat praktikal zikir dalam kumpulan tarekat yang diikuti kepada muridnya tersebut, sama ada zikirnya secara *jahr* (kuat), yakni dengan lisan dan zikir *khafiy* (sembunyi), yakni dengan hati).²¹ Oleh itu, amalan zikir dalam tarekat tasawuf sebenarnya bertujuan untuk mengubati penyakit lalai (*al-ghaflah*) yang bertapak di dalam hati manusia.

²⁰ Thahirah Hassan Basri, Faudzinaim Badaruddin & Abdul Manam Mohamad. Konsep Zikir Darajah Dalam Disiplin Ilmu Tarekat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 8 (2014): 61-72.

²¹ Isa, ‘Abd al-Qādir, *Haqā’iq ‘an al-Taṣawwuf*, 148-159; Faudzinaim Badaruddin, “Zikir: Isu dan Pelaksanaannya Dalam Amalan Tarekat,” (Prosiding Diskusi Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 22-24 November 2011), 24.

Setiap kumpulan tarekat mempunyai susunan atau senarai bacaan zikir yang khusus yang perlu dilaksanakan oleh pengamal tarekat tertentu tersebut. Sekiranya dibuatkan perbandingan antara susunan dan senarai kumpulan zikir antara kumpulan-kumpulan tarekat, maka akan dapat dibahagikan kepada tiga bahagian penting.²² Pertama, bacaan zikir-zikir asas yang terdiri daripada bacaan ayat atau surah daripada al-Quran, *istighfār*, selawat dan *asmā'* Allah. Kedua, zikir doa yang dibaca sebagai sebahagian daripada susunan zikir yang diijazahkan oleh guru. Ketiga, zikir yang menjadi bacaan zikir khusus dan wajib diamalkan pada waktu pagi dan petang berdasarkan petunjuk guru dan senarai bacaan zikir umum yang dibaca secara harian sama ada selepas solat atau sekali sehari.

Apabila diteliti kaifiyat atau senarai kumpulan-kumpulan zikir tarekat yang wujud, didapati bacaan-bacaan zikir dan doa yang diamalkan oleh pengikut tarekat memperlihatkan bentuk bacaan daripada zikir-zikir yang dianjurkan dalam Islam. Konsep *talqīn al-dhikr* dan pengamalan dalam kehidupan seharian para pengamal tarekat pada hakikatnya adalah tergolong dalam kategori penghayatan konsep tawassul. Antara bacaan-bacaan zikir yang menjadi amalan para pengamal tarekat dan secara langsung merupakan penghayatan amalan tawassul dalam bentuk amal salih dapat dibahagikan kepada beberapa jenis berikut:

i. Tawassul dengan *Kalimat al-Tayyibah*

Salah satu usaha seorang *sālik* tarekat untuk membersihkan *qalbnya* daripada noda dan dosa batin adalah melalui amalan pembacaan zikir *lā*

²² Perbandingan antara zikir-zikir kumpulan tarekat ini boleh dirujuk dalam al-Lingga, Ahmad Ibn Muhammad Sa'īd, *Aurad al-Tarekat al-Ahmadiyah dan Kelebihannya* (Seremban: Madrasah Saidiyyah, t.t.); Sambas, Abdul Karim. *Fath al-'Arifin* (t.p: Pencetakan al-Nahdi, t.t.); Al-Sanūsī, al-Sayyīd Nafī' al-'Arabī, *Awrād al-Tarīqah al-Sanūsiyyah* (T.p: T.p, t.t.); Faudzinaim Badaruddin et al, Perkembangan dan Amalan Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam* 31 (2019): 21-54; Sri Mulyati, *Mengenal dan Memahami Tarekat-tarekat Muktabarah di Indonesia* (Jakarta, Kencana, 2005); Mohammad Fahmi Abdul Hamid et al., Penilaian Kaifiat Zikir Tarekat Al-Shāzuliyah Al-Darqāwiyyah Pimpinan Haji Mohd Nasir Othman Menurut Al-Quran Dan Al-Sunah. *Jurnal 'Ulwan* 6, No. 3 (2021): 80-98.

ilaha illa Allāh. Dalam Islam, zikir inji merupakan zikir yang paling utama. Dalam ilmu tarekat, zikir ini merupakan amalan asas dalam seluruh kumpulan tarekat. Pembacaan zikir yang dikenali sebagai *dhikr al-tawhīd* ini harus dilaksanakan dengan bilangan yang berbegai menurut kaifiyat zikir sesebuah kumpulan tarekat. Antara bilangan yang paling popular ialah sebanyak 100 kali pada setiap pagi dan petang. Terdapat juga kumpulan tarekat yang menetapkan kepada murid-murid mereka untuk melaksanakan bacaan zikir tauhid ini sebanyak 70,000.

ii. Tawassul dengan Nama-nama (*Asmā'*) Allah SWT

Salah satu amalan tawassul yang dilakukan oleh para pengamal tarekat ialah bertawassul dengan nama-nama Allah SWT yang baik (*al-Asmā' al-Husna*). Ia merujuk kepada amalan dan kaifiyat membaca *Asmā'* Allah SWT. Ini dapat dilihat daripada isi kandungan zikir yang terdapat dalam kaifiyat zikir kumpulan tarekat tasawuf yang beredar dalam masyarakat Islam. Antara nama-nama Allah SWT yang masyhur yang diamalkan oleh para pengamal tarekat ialah *Allah* yang dikenali sebagai *dhikr Ism al-Dhāt* dan *hū* atau *huwa* yang dikenali sebagai *dhikr Ism al-Ishārat*. Zikir dengan kalimah *Hu* ini juga kadang kala disertakan dengan kalimah *Hu Allāh*. Terdapat juga zikir yang menggunakan *harf al-nida'*, yakni seruan seperti *Ya Allāh*, *Ya Rahmān*, *Ya Rahīm*, *Ya Laṭīf*, *Ya Karīm*, *Ya Jabbār*, *Ya Qahhār*, *Ya Ḥayy*, *Ya Ḥaqq*, *Ya Wahhāb*, *Ya Fattāḥ* dan *Ya 'Ażīm*.²³

iii. Tawassul dengan Ayat-ayat al-Quran

Tawassul kategori ini merujuk kepada bertawassul dengan menggunakan al-Quran sama ada surah-surah atau ayat-ayat daripada al-Quran. Surah

²³ Zikir-zikir ini menjadi bacaan bagi pengamal beberapa buah tarekat yang diamalkan di Malaysia seperti tarekat al-Ahmadiyah al-Idrisiyyah, al-Sanusiyyah, al-Naqshabandiyyah, al-Sammaniyyah dan al-Khalwatiyyah. Lihat al-Lingga, Ahmad Ibn Muhammad Sa'īd, *Aurad al-Tarekat al-Ahmadiyah dan Kelebihannya*; Sambas, Abdul Karim. *Fath al-'Ārifin*; al-Sanūsī, al-Sayyīd Nafī' al-'Arabī, *Awrād al-Ṭarīqah al-Sanūsiyyah*; Sri Mulyati, *Mengenal dan Memahami Tarekat-tarekat Muktabarah di Indonesia*; Mohammad Fahmi Abdul Hamid, et al., Penilaian Kaifiyat Zikir Tarekat Al-Shāzuliyah Al-Darqāwiyyah Pimpinan Haji Mohd Nasir Othman Menurut Al-Quran Dan Al-Sunah. *Jurnal 'Ulwan* 6, No. 3 (2021): 80-98.

yang banyak digunakan sebagai bacaan zikir dalam tarekat ialah surah *al-Fātiḥah* dan surah *al-Ikhlas*. Manakala ayat-ayat al-Quran yang terdapat dalam susunan zikir yang menjadi bacaan para pengamal tarekat secara amnya ialah:²⁴

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ (a)

Maksudnya: “Cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik pengurus (yang terserah kepada-Nya segala urusan kami).”²⁵

فَسَيَكْفِيْكُمُ اللَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (b)

Maksudnya: “(Janganlah engkau khuatir wahai Muhammad) kerana Allah akan memeliharamu (dan umatmu) daripada kejahanatan mereka; dan Dia lah jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”²⁶

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبُّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الرَّسُولِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (c)

Maksudnya: “Akuilah kesucian Tuhanmu, - Tuhan yang mempunyai keagungan dan kekuasaan, - daripada apa yang mereka katakan! Dan (ucaplah) salam sejahtera kepada sekalian Rasul. Serta (ingatlah bahawa) segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam.”²⁷

²⁴ Faudzinaim Badaruddin et al., Perkembangan dan Amalan Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam* 31 (2019): 21-54.

²⁵ Surah *Āli Imrān*, 3: 173.

²⁶ Surah *al-Baqarah*, 2: 137.

²⁷ Surah *al-Saffāt*, 37: 180-182.

(d) لَيْسَ لَهَا مِنْ ذُوْنِ اللَّهِ كَاشِفَةٌ

Maksudnya: "Tidak ada sesiapapun selain Allah yang dapat menahan atau menghapuskan huru-hara "hari kiamat" itu."²⁸

(e) نَصْرٌ مِّنَ اللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ

Maksudnya: "Pertolongan daripada Allah dan kemenangan yang cepat (masa berlakunya)."²⁹

(f) وَاللَّهُ عَالِمٌ عَلَى أُمُورِهِ

Maksudnya: "Allah Maha Kuasa melakukan segala perkara yang telah ditetapkan-Nya."³⁰

(g) رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ وَلَا هَنَا بِرَحْمَتِكَ مِنَ الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami landasan fitnah kesengsaraan bagi kaum yang zalim ganas. Dan selamatkanlah kami dengan rahmatMu daripada angkara kaum yang kafir."³¹

(h) سَلَامٌ قَوْلًا مِّنْ رَبِّ الرَّحْمَنِ

Maksudnya: "(Mereka juga beroleh) ucapan salam sejahtera daripada Tuhan Yang Maha Mengasihani."³²

²⁸ Surah *al-Najm*, 53: 58.

²⁹ Surah *al-Şaf*, 61: 13.

³⁰ Surah *Yūsuf*, 12: 21.

³¹ Surah *Yūnus*, 10: 85.

³² Surah *Yāsin*, 36: 58.

iv. Tawassul dengan Bacaan Selawat Kepada Nabi Muhammad SAW

Terdapat juga bacaan selawat yang menjadi dimasukkan dalam susunan zikir yang wajib dibaca oleh para pengamal tarekat amnya. Ini juga pada hakikatnya merupakan penghayatan tawassul dengan menggunakan kaedah selawat kepada Nabi Muhammad SAW di samping mengamalkan firman Allah SWT iaitu:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الْدُّرْجَاتُ إِذَا مَنَّا صَلَوْا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.”³³

Antara bacaan selawat menjadi bacaan lazim bagi hampir keseluruhan kumpulan tarekat ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ

Maksudnya: “Ya Allah, berilah selawat kepada penghulu kami Muhammad seorang Nabi yang *ummiy*, keluarga baginda dan para sahabat baginda beserta berilah kesejahteraan.”

Di samping itu, terdapat juga bacaan selawat lain yang dibaca yang dibaca khusus oleh para pengamal semua cabang Tarekat al-Ahmadiyyah al-Idrisiyah yang dinamakan sebagai selawat ‘Azīmiyyah:

³³ Surah *al-Ahzāb*, 33: 56.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِنُورِ وَجْهِ اللَّهِ الْعَظِيمِ الَّذِي مَلَأَ أَرْكَانَ عَرْشِ اللَّهِ
الْعَظِيمِ وَقَامَتْ بِهِ عَوْلَمُ اللَّهِ الْعَظِيمِ أَنْ تُصَلِّيَ عَلَى مَوْلَانَا مُحَمَّدِ ذِي
الْقَدْرِ الْعَظِيمِ وَعَلَى آلِ نَبِيِّ اللَّهِ الْعَظِيمِ يَقْدِرُ عَظَمَةً ذَاتِ اللَّهِ الْعَظِيمِ
فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ عَدَدَمَا فِي عِلْمِ اللَّهِ الْعَظِيمِ صَلَاةً دَائِمَةً بِدَوَامِ
اللَّهِ الْعَظِيمِ تَعْظِيْمًا لِحَقِّكَ يَا مَوْلَانَا يَا مُحَمَّدًا يَا ذَا الْخُلُقِ الْعَظِيمِ وَسَلَامٌ
عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ مِثْلِ ذَلِكَ وَاجْمَعْ بَيْنِي وَبَيْنَهُ كَمَا جَمَعْتَ بَيْنِ الرُّؤْحَ
وَالنَّفْسِ ظَاهِرًا وَبَاطِنًا يَقْطَنَهُ وَمَنَّا وَاجْعَلْتُهُ يَارِبَّ رُؤْحًا لِدَائِنِي مِنْ
جَمِيعِ الْوُجُوهِ فِي الدُّنْيَا قَبْلَ الْآخِرَةِ يَا عَظِيمُ

Maksudnya: “Ya Allah aku memohon kepada-Mu dengan cahaya wajah Allah yang Maha Agung, yang memenuhi seluruh penjuru Arasy Allah yang Maha Agung, dan berdiri dengannya seluruh alam Allah yang Maha Agung, agar Engkau berselawat ke atas penaung kami Muhammad yang mempunyai kudrat yang agung, dan ke atas keluarga nabi Allah yang agung, dengan kadar keagungan Zat Allah yang Maha Agung, pada setiap pandangan dan nafas, sebanyak bilangan segala yang diliputi dalam ilmu Allah yang Maha Agung, dengan selawat yang berkekalan, dengan kekekalan Allah yang Maha Agung, demi mentakzimkan hak dikau, wahai penaung kami, wahai Muhammad, wahai pemilik akhlak yang agung, dan kurniakanlah (Ya Allah) ke atasnya salam serta ke atas keluarganya seumpama itu, dan himpukanlah daku dengannya, sebagaimana Engkau menghimpunkan di antara ruh dan *an-Nafs*, secara zahir dan batin, ketika jaga dan tidur, dan jadikanlah dia wahai Tuhan, sebagai ruh bagi zatku daripada segala wajah, di dunia dan akhirat, wahai yang Maha Agung.”³⁴

³⁴ Faudzinain Badaruddin et al., Perkembangan dan Amalan Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam* 31 (2019): 21-54.

Bagi pengamal tarekat Tijaniyah pula, mereka mengamalkan bacaan selawat yang dinamai sebagai *Ṣalawāt al-Fātiḥ* iaitu:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْفَاتِحِ لِمَا أَعْلَقَ وَالْخَاتِمِ لِمَا سَبَقَ نَاصِرِ
الْحُقْقَ بِالْحُقْقِ وَاهْدِي إِلَيْ صِرَاطِكَ الْمُسْتَقِيمِ وَعَلَيْ آلِهِ حَقَّ قَدْرِهِ
وَمِقْدَارِهِ الْعَظِيمِ

Maksudnya: “Ya Allah, berilah selawat kepada penghulu kami Muhammad Nabi sebagai pembuka sesuatu yang terkunci (tertutup) dan penutup sesuatu (para utusan) yang terdahulu. Dialah penolong kebenaran dengan kebenaran dan pemberi petunjuk menuju jalan-Mu yang lurus. Semoga Allah melimpahkan (memberikan) shalawat kepada Nabi Muhammad, keluarganya, dan para sahabatnya dengan kekuasaan dan ukuran Allah Yang Maha agung.”³⁵

v. Tawassul Dengan Bacaan *Istighfār*

Istighfār juga merupakan satu bacaan wajib yang terdapat dalam skima kaifiyat zikir yang diamalkan oleh para pengamal tarekat yang juga merupakan salah satu penghayatan amalan tawassul. Secara amnya, zikir *istighfār* yang kerap dibaca oleh mereka adalah zikir yang biasa dibaca oleh masyarakat Islam selepas waktu solat fardu iaitu:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ

Maksudnya: “Aku mohon ampun kepada Allah yang Maha Agung, yang tiada Tuhan kecuali Dia, yang Maha Hidup kekal dan senantiasa mengurus (makhluk-Nya) dan aku bertaubat kepadaNya.”³⁶

³⁵ Sri Mulyati, *Mengenal dan Memahami Tarekat-tarekat Muktabarah di Indonesia*, 241.

³⁶ Abū Dāwud al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Muḥammad Mahy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah, t.t.), Kitāb al-Salāh, Bab Fi al-Istighfār, no. hadith 1517, 2: 85; Al-Ghazzālī, Muḥammad Ibn Muḥammad. *Iḥyā’ Ulūm al- Dīn* (Beirut: Dār al-Fikr: 1995), 282.

Di samping itu, terdapat juga bacaan selawat yang khusus diamalkan dalam semua cabang Tarekat al-Ahmadiyyah al-Idrisiyyah yang diistilah sebagai *al-Istighfār al-Kabīr* iaitu:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ عَفَّارُ الدُّنُوبِ
ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ مِنْ جَمِيعِ الْمَعَاصِي كِلَّهَا وَالدُّنُوبِ
وَالْأَئْمَامُ وَمَنْ كُلِّ ذَنْبٍ أَذْنَبْتُهُ عَمْدًا وَخَطَأً ظَاهِرًا وَبَاطِنًا قَوْلًا وَفِعْلًا
فِي جَمِيعِ حَرْكَاتِي وَسَكَنَاتِي وَحَطَرَاتِي وَأَنْفَاسِي كِلَّهَا دَائِمًا أَبْدًا
سَرْمَدًا مِنَ الدَّنْبِ الَّذِي أَعْلَمُ وَمِنَ الدَّنْبِ الَّذِي لَا أَعْلَمُ عَدَدُهُ مَا
أَخَاطَ بِهِ الْعِلْمُ وَأَخْصَاهُ الْكِتَابُ وَخَطَأَهُ الْقَلْمُ وَعَدَدُهُمْ أُوجَدَتُهُ الْقُدْرَةُ
وَخَصَّصَتُهُ الْإِرَادَةُ وَمِدَادُ كَلِمَاتِ اللَّهِ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِ رَبِّنَا
وَجَمَالِهِ وَكَمَالِهِ وَكَمَا يُحِبُّ رَبِّنَا وَيَرْضَى، آمِين³⁷

Maksudnya: “Aku beristighfar kepada Allah yang Maha Agung, yang tiada Tuhan melainkan Dia, yang Maha Hidup, yang berdiri dengan sendirinya, yang mengampunkan dosa-dosa, yang memiliki kebesaran dan kemuliaan, dan aku bertaubat kepada-Nya daripada maksiat-maksiat sekeliannya, serta dosa-dosa dan kejahatan-kejahatan, dan daripada setiap dosa yang telah aku lakukan, dengan sengaja atau tidak sengaja, zahir dan batin, pada perkataan dan perbuatan, pada seluruh gerakku dan diamku serta seluruh lintasan hatiku dan nafuku sekeliannya, secara berkekalan dan berpanjangan selama-lamanya, daripada dosa yang aku ketahui dan daripada dosa yang aku tidak ketahui, sebanyak bilangan apa yang di rangkumi oleh al-Qalam dan sebanyak bilangan apa yang diadakan oleh al-Qudrah, dan ditentukan oleh al-Iradah, dan sebanyak kalimah-kalimah Allah, seperti

³⁷ Faudzinaim Badaruddin et al., Perkembangan dan Amalan Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam* 31 (2019): 21-54.

yang layak bagi kebesaran wajah Tuhan kami, serta keindahan-Nya dan kesempurnaan-Nya, dan seperti yang dikasihi-Nya oleh Tuhan kami dan yang direhái-Nya.

Konsep *Silsilah*.

Konsep kedua dalam institusi tarekat yang mempunyai hubungan erat dengan penghayatan tawassul ialah *al-silsilah*. *al-Silsilah* atau *silsilah* merujuk kepada rantaian para *mashā'ikh* atau guru bagi sesebuah tarekat yang bersambungan daripada satu generasi ke satu generasi dan tidak terputus daripada Rasulullah SAW hingga ke guru yang terakhir.³⁸ Konsep silsilah dalam institusi tarekat tasawuf adalah berhubung rapat dengan konsep *al-shaykh al-murshid* di mana seorang *al-shaykh* tarekat merupakan pewaris pengajaran dan doktrin tarekat yang diterimanya daripada gurunya yang terdahulu.

Al-Shaykh al-murshid adalah seorang guru yang bertindak sebagai penunjuk jalan atau pembimbing kerohanian kepada muridnya. Oleh yang demikian, institusi tarekat tasawuf telah menetapkan syarat yang ketat bagi seseorang itu dianggap sebagai guru yang layak untuk mendidik murid atau pengikutnya. Secara asas, mereka mentapkan bahawa seorang shaykh mursyid mestilah seorang yang mempunyai kebolehan daripada segi ilmu syariat yang mantap, akhlak yang mulia dan mempunyai pengetahuan mengenai jalan rohani menuju Allah SWT merangkumi hal-hal bermanfaat atau bersifat halangan bagi muridnya.³⁹

Dalam erti kata lain, *al-shaykh al-murshid* adalah seorang yang mempunyai ilmu yang sahih dan mantap mengenai jalan-jalan menuju kehampiran dengan Allah SWT kerana pengalamannya sebagai seorang murid sebelumnya. Dalam hal ini, *Shaykh Ahmad al-Zarrūq* menegaskan bahawa seorang yang berkelayakan sebagai shaykh mursyid memiliki empat syarat iaitu *'ilm sahih* (ilmu yang benar), *dhawq sarīh* (rasa hati

³⁸ Faudzinain Badaruddin & Muhammad Khairi Mahyuddin. Autoriti Sanad Tarekat dan Peranannya dalam Ilmu Tasawuf. *International Journal of Islamic Thought* Vol. 20 Dec. (2021): 34-44.

³⁹ Isa, 'Abd al-Qādir, *Haqā'iq 'an al-Taṣawwuf*, 78-81.

yang jelas), *himmah ‘āliyah* (keinginan yang tinggi) dan *al-ħalah al-marḍiyah* (sifat yang diredai).⁴⁰

Oleh itu, seorang *al-shaykh al-murshid* adalah dicari kerana dipercayai kemampuannya untuk membimbing muridnya menjalani jalan kerohanian yang dapat mendekatkan dirinya kepada Allah SWT. Di samping seorang shaykh mursyid yang bertindak sebagai pembimbing kerohanian murid, pada hakikatnya, guru tersebut mempunyai rantaian para guru atau *mashā’ikh* tarekat yang salih dan benar yang bersambungan antara orang yang bertawasul dengan gurunya dan para guru-gurunya hingga Rasulullah SAW.

Apabila diteliti daripada sudut penghayatan tawassul dalam konsep silsilah ini, maka terdapat dua bentuk tawassul yang menjadi amalan para pengamal tarekat tasawuf iaitu tawassul melalui pemberian hadiah *al-Fātiḥah* kepada orang yang meninggal dunia dan tawassul dengan *barakah* orang salih yang telah meninggal.

- i. Tawasul melalui pemberian pahala *al-Fātiḥah* kepada orang yang telah meninggal dunia

Tawassul jenis ini merujuk kepada bertawassul melalui hadiah bacaan surah *al-Fātiḥah* kepada orang-orang yang mempunyai hubungan dengan rantaian zikir pengamal tarekat Perkara ini merupakan suatu kebiasaan dalam amalan tarekat sama ada ketika mereka hendak melaksanakan zikir secara berjemaah mahu pun persendirian. Daripada satu sisi, pemberian hadiah surah *al-Fātiḥah* ini adalah sebagai ingatan para salikin kepada para guru yang terdapat dalam rantaian silsilah tarekat itu. Kedua, pembacaan hadiah surah *al-Fātiḥah* kepada semua guru yang terdapat dalam rantaian silsilah sesebuah tarekat itu adalah sebagai suatu tanda syukur kepada Allah SWT kerana ditemukan dengan seorang guru yang dapat memberikan bimbingan dan panduan dalam menempuh liku-liku penggembaran kerohanian hingga mereka dapat mencapai tujuan bertarekat.

⁴⁰ Mohd Syukri Yeoh et al., *Usul Tarekat al-Shadhiliyyah Shaykh Ahmad al-Zarrūq al-Fasiy: Terjemahan dan Tahqiq* (Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan, 2019), 65.

Ketiga, pemberian hadiah surah *al-Fātiḥah* ini juga adalah satu cara penghayatan kaedah tawassul dalam usaha para pengamal tarekat mencapai rahmat dan keredaan Allah SWT. Oleh yang demikian, jika seseorang meneliti susunan kaifiyat zikir yang diijazahkan, akan didapatkan bahawa bacaan surah *al-Fātiḥah* ini menjadi pembuka kepada amalan zikir yang harus dilaksanakan oleh para pengamal tarekat. Malahan, bacaan tersebut bukan hanya sekali, bahkan ada yang diulang beberapa kali mengikut susunan zikir tarekat yang diamalkan.

ii. Tawasul dengan *barakah* orang salih yang telah meninggal.

Konsep *al-silsilah* amat berkait rapat dengan satu konsep lain yang diistilahkan sebagai *al-barakah* atau keberkatan, yakni limpahan kerohanian daripada Nabi Muhammad SAW. Oleh kerana itu, *Shaykh* ‘Abd al-Halim Mahmud menyatakan bahawa *silsilah* sebagai salah satu syarat asas dalam menjalani tasawuf kerana di dalamnya terdapat kesan rohani atau *barakah* dan hal tersebut tidak akan wujud tanpa adanya *wasitah* yakni *al-shaykh al-murshīd*.⁴¹ Penghayatan tawassul oleh para pengamal tarekat di bawah kategori ini ialah bertawassul dengan *barakah* orang yang salih sama ada yang masih hidup atau telah meninggal dunia.

iii. Tawassul Dengan Bacaan *Hizb*, *Wird*, *Ratib*, Majlis *Mawlid* dan *Manāqib*

Tawassul melalui pembacaan *hizb*, *wird*, majlis *mawlid* dan bacaan *manāqib* juga merupakan satu bentuk penghayatan tawassul dalam institusi tarekat. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dibezakan daripada bacaan dan amalan tarekat yang bersifat asas seperti yang disebutkan di atas. Amalan dan bacaan *hizb*, *wird*, *mawlid* dan *manāqib* adalah bersifat sampingan kepada para pengamal tarekat kerana kaifiyat zikir yang diperolehi secara ijazah guru itu adalah yang utama dan penting untuk diamalkan. Oleh itu, empat perkara ini dapat dikategorikan

⁴¹ Abdul Manam Mohamad, “Silsilah Dalam Ilmu Tarekat,” Prosiding Diskusi Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 22-24 November 2011, 37.

sebagai kaedah pelengkap kepada murid-murid tarekat secara khusus sebagai suatu proses pendidikan dan peningkatan kerohanian mereka.

Amalan bacaan *hizb*, *wird*, dan *ratib* adalah sesuatu yang diamalkan dengan tujuan ibadat kepada Allah SWT. Daripada segi istilah, *hizb*, *wird* dan *ratib* adalah kumpulan zikir, doa dan tawajjuh yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran, istighfar, selawat dan doa-doa yang *ma'thur* yang dihimpun untuk tujuan berzikir, mengingat, meminta perlindungan daripada keburukan, meminta kebaikan, memohon terbukanya makrifah dan terhasilnya ilmu dengan tumpuan hati dan fikiran kepada Allah SWT.⁴² Melalui kaedah bacaan *hizb*, *wird*, *mawlid* dan *manāqib* ini, para pengamal tarekat secara langsung menghayati amalan tawassul melalui bacaan ayat-ayat al-Quran, nama-nama Allah SWT, selawat serta *istighfār* yang terdapat dalam setiap *hizb* dan *wird* yang diamalkan.⁴³

Di samping itu, melalui pembacaan sirah Nabi Muhammad SAW seperti Mawlid *Barzanjī*, *Barzanjī Nashr*, *Dalā'il al-Khayrāt*, *al-Daibā'ī*, *Simt al-Durār* dan *manāqib* para *awliya'* Allah yang *sālihīn* seperti *manāqib* Shaykh 'Abd al-Qādir al-Jīlānī, *manāqib* Shaykh Abū al-Hassan al-Shādhilī bertajuk *al-Nur al-Jaliyy* dan *manāqib* Shaykh *Muhammad Sammān* juga menunjukkan penghayatan tawassul secara amali dalam bentuk penghormatan dan pengharapan kepada Alla SWT melalui keberkatan daripada kesalihan Nabi Muhammad SAW, para *awliyā'* Allah dan *sālihīn*.

KEDUDUKAN AMALAN TAWASSUL DALAM TAREKAT TASAWUF

Perbincangan sebelum ini telah memberikan lakaran penghayatan amalan tawassul yang diamal dan dihayati oleh para pengamal kumpulan tarekat secara umum. Perincian penghayatan jenis-jenis tawassul yang wujud dalam pengamalan institusi tarekat kelihatannya melibatkan

⁴² Al-Kindi, 'Abd Allāh Ibn Ahmad Basudan, *Dhakhirah al-Ma'ad bi Sharḥ Rātib al-Haddād* (T.tp: T.p, t.t.), 45.

⁴³ Antara yang dapat dinyatakan di sini ialah *Hizb al-Bahr*, *Hizb al-Nawāwī*, *Hizb al-Barqi*, *Hizb al-Naṣr*, *Hizb al-Rifā'i* *Hizb al-Falāh*, *Hizb al-Khāfi*, *Wird al-Laṭīf*, *Wird al-Kabīr*, *Wird al-Sakrān*, *Rātib al-Haddād* dan *Rātib al-'Aṭṭās*.

bentuk tawassul yang diharuskan dalam Islam dan bentuk tawassul yang diperselisihkan oleh para ulama. Justeru amalan tawassul yang dihayati oleh para pengamal tarekat perlu diterima kerana pengamalan mereka tidaklah terkeluar daripada landasan hukum Islam. Sementara itu, penghayatan amalan tawassul yang termasuk dalam bahagian *khilāfiyyah* pula perlu dihormati dan tidak menjadikannya sebagai bahan untuk menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat.

Lakaran mengenai penghayatan amalan tawassul dalam institusi tarekat di atas turut membuktikan bahawa konsep dan amalan tarekat mempunyai hubungan erat dengan amalan-amalan dalam Islam. Institusi tarekat tasawuf menyediakan sebuah wadah pendidikan rohani bersifat tersusun dan sistematik berteraskan ajaran dan panduan Islam bagi membolehkan seorang itu mencapai *wuṣūl* kepada Allah SWT. Oleh kerana amalan tawassul juga boleh dijadikan sebagai salah satu kaedah untuk mendekatkan diri seseorang Muslim itu kepada Allah SWT, maka penerapan amalan dan penghayatan amalan tersebut dalam pengamalan tarekat bukanlah suatu kebetulan. Bahkan, ia dapat disimpulkan sebagai sesuatu yang telah diprogramkan sebagai wadah untuk mendidik jiwa Muslim mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Dilihat daripada satu perspektif ini, institusi tarekat sebenarnya sebuah *waṣīlah* bagi seorang murid itu mendekatkan diri kepada Allah SWT. Dalam hal ini, amalan tawassul merupakan elemen penting yang tidak dapat dipisahkan daripada segala gerak kerja yang dilakukan oleh seorang pengamal tarekat. Ini menunjukkan kedudukan dan kepentingan penghayatan amalan tawassul dalam institusi tarekat. Oleh itu, tidak salah jika dikatakan bahawa sebuah tarekat akan kehilangan makna dan tujuannya jika amalan tawassul dipisahkan daripadanya kerana setiap paksi institusi tarekat mempunyai hubungan dengan konsep dan amalan tawassul.

Di samping itu, deskripsi penghayatan amalan tawassul dalam disiplin ilmu tarekat di atas memperlihatkan satu sisi yang menarik dalam konteks hubungan tarekat dengan syariat Islam. Disiplin ilmu tarekat sebenarnya adalah penghayatan ajaran-ajaran yang terdapat dalam syariat Islam secara praktikal. Oleh itu, penghayatan amalan tawassul adalah contoh *taṭbiqī ‘amalī* daripada ajaran Islam. Perkara ini

menunjukkan bahawa tarekat adalah sebahagian daripada ajaran Islam walaupun daripada segi penggunaannya secara *iṣṭilāhi*, ia muncul selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Justeru, semua amalan yang diamalkan dalam sesebuah kumpulan tarekat semestinya bertepatan dengan pertunjuk dan ajaran Islam kerana Syariat Islam merupakan sumber kepada semua amalan dalam disiplin ilmu tarekat tasawuf. Sebaliknya, apa juga amalan dalam kumpulan tarekat yang tidak bersumber syariat Islam atau bersesuaian dengan ajaran Islam, maka ia adalah tertolak sama sekali.

KESIMPULAN

Mendekatkan diri kepada Allah SWT adalah sebuah cita-cita yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan seorang Muslim. Namun begitu, ia bukanlah suatu yang mudah untuk dicapai tanpa kaedah yang benar dan betul sepertimana yang dikehendaki dan diredayai oleh Allah SWT. Salah satu kaedah yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada umat Islam ialah amalan dengan menggunakan *wasīlah* atau perantara. Oleh itu, amalan tawassul adalah sebuah amalan yang diharuskan dalam Islam dengan syarat ia dilaksanakan menurut kaedah yang tidak bertentangan dengan dasar-dasar akidah Islam. Keharusannya adalah bertolak daripada firman Allah SWT di dalam al-Quran dan contoh-contoh yang boleh didapati dalam beberapa buah hadis mengenai tawassul. Dalam konteks ilmu tasawuf, amalan tawassul merupakan suatu yang tidak dapat dipisahkan daripada amalan bertarekat. Setiap amalan dalam institusi tarekat mempunyai hubungan yang amat kuat dengan penghayatan konsep tawassul dalam Islam melalui beberapa konsep seperti konsep zikir, silsilah dan pembacaan *ḥizb* dan *maṇāqib*. Perbincangan yang dikemukakan di atas menunjukkan penghayatan amalan tawassul yang memenuhi pelbagai ruang kegiatan amalan tarekat secara amali kerana institusi tarekat itu sebenarnya adalah *wasīlah* juga bagi membolehkan pengamal tarekat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ini menunjukkan bahawa setiap amalan yang diamalkan oleh pengamal tarekat yang benar adalah mewakili pelaksanaan dan penghayatan amalan Islam secara praktikal.

RUJUKAN

- Abdul Manam Mohamad, “Silsilah Dalam Ilmu Tarekat,” Prosiding Diskusi Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 22-24 November 2011.
- Abū Dāwud al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Muḥammad Mahȳ al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd. Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah, t.t.
- Al-Ghazzālī, Muḥammad Ibn Muḥammad. *Iḥyā’ ‘Ulūm al- Dīn*. Beirut: Dār al-Fikr: 1995.
- Al-Haithamī, Shihāb al-Dīn Abū al-Abbās Aḥmad Ibn Muḥammad, *al-Fatāwā al-Hadīthiyyah*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Ḥākim al-Naysābūrī, *al-Mustadrak ‘ala al-Sahīhayn*, ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā. Beirut: Dār al-Kutūb al-‘Ilmīyyah, 1990.
- Al-Jazā’iri, Abī Yahya al-Ḥaddād, *Sharah al-‘Allāmah Ibn Zikri al-Fāstī ‘alā Qawā’id al-Taṣawwuf li Shaykh Zarruq*. Kaherah: Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, 2018.
- Al-Kalābādhī, Abū Bakr Muḥammad, *al-Ta‘ārruf li Madhab al-Taṣawwuf*. Beirut: Dār al-Ṣādir, 2001.
- Al-Kindī, ‘Abd Allāh Ibn Ahmad Basudan, *Dhakhirah al-Ma‘ad bi Sharh Rātib al-Ḥaddād*. T.tp: T.p, t.t.
- Al-Kurdī, Muḥammad Amīn al-Irbilī, *Tanwīr al-Qulūb fi Mu‘amalāt Allām al-Ghuyūb*. T.tp: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, 1991.
- Al-Lingga, Ahmad Ibn Muḥammad Sa‘īd, *Aurad al-Tarekat al-Ahmadiyah dan Kelebihannya*. Seremban, Madrasah Saidiyyah, t.t.
- Al-Mālikī, Sayyīd Muḥammad ‘Alawi, *Mafāhīm Yajibu an Tuṣahḥah*. Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah, 2011.
- Al-Qushayrī, ‘Abd al-Karīm ibn Hawāzin, *al-Risālah al-Qushayriyyah*. Kaherah: Dār al-Kutūb al-Ḥadīthah, 2000.
- Al-Rifā‘ī, Muhammad Nasīb, *al-Tawaṣul ila Haqīqat al-Tawaṣul Bayna al-Mashrū‘ wa al-Mamnū‘*. T.tp.: Mu`assah al-Da‘wah al-Salafiyyah wa Khidimiha, 1979.
- Al-Sanūsī, al-Sayyīd Nafī‘ al-‘Arabī, *Awrād al-Tariqah al-Sanūsiyyah*. T.tp: T.p, t.t.
- Al-Shinnawi, Hassan, “Tawassul dan Wasilah dalam Tariqat Tasawuf,” Munaqashah Sufi Peringkat Kebangsaan, Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 12-14 Ogos 2004.

- Al-Tirmidhī. *Sunan al-Tirmidhi*. Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashar wa al-Tauzi‘, 1997.
- Al-Ṭūsī, Abū Naṣr al-Sarrāj, *al-Luma‘ fi al-Taṣawwuf*, ed. ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd and Taha ‘Abd al-Bāqī Surūr. Miṣr: Dār al-Kutub al-Hadithah, 1960.
- Faudzinaim Badaruddin & Muhammad Khairi Mahyuddin. Autoriti Sanad Tarekat dan Peranannya dalam Ilmu Tasawuf. *International Journal of Islamic Thought* Vol. 20 Dec. (2021): 34-44.
- Faudzinaim Badaruddin, “Zikir: Isu dan Pelaksanaannya Dalam Amalan Tarekat,” Prosiding Diskusi Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 22-24 November 2011.
- Faudzinaim Badaruddin, Muhammad Khairi Mahyuddin, Abdull Rahman Mahmood dan Wan Haslan Khairuddin. Kajian Semula Tawssul, Rabitah, Wahdat al-Wujud dan Yaqazah. Laporan Penyelidikan Fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Putrajaya: JAKIM, 2019.
- Faudzinaim Badaruddin, Zakaria Stapa, Abdull Rahman Mahmood, Muhammad Khairi Mahyuddin, & Nozira Salleh. Perkembangan dan Amalan Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam* 31 (2019): 21-54.
- Ibrāhīm Muṣṭafa, *Mu‘jam al-Wasiṭ*. İstanbul: al-Maktabah al-Islāmīyah, t.t.
- ‘Isa, ‘Abd al-Qādir, *Haqā‘iq ‘an al-Taṣawwuf*. Norwich: Diwan Press, 2005.
- Jahid Sidek, *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia, 1995.
- Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Ahmad Rosli Mohd Nor, Khairul Azhar Meerangani, Mohd Farhan Md Ariffin, and Muhammad Taufiq Md Sharipp. Penilaian Kaifiat Zikir Tarekat Al-Shāzuliyyah Al-Darqāwiyyah Pimpinan Haji Mohd Nasir Othman Menurut Al-Quran Dan Al-Sunah. *Jurnal’Ulwan* 6, No. 3 (2021): 80-98.
- Mohd Syukri Yeoh, Md Zuraini Mashrom, Abdul Manam Mohamad, *Usul Tarekat al-Shadhiliyyah Shaykh Ahmad al-Zarrūq al-Fasiy: Terjemahan dan Tahqiq*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2019.

- Sambas, Abdul Karim. *Fath al-‘Arifin*. t.tp: Pencetakan al-Nahdi, t.t.
- Sri Mulyati, *Mengenal dan Memahami Tarekat-tarekat Muktabarah di Indonesia*. Jakarta: Kencana, 2005.
- Thahirah Hassan Basri, Faudzinaim Badaruddin & Abdul Manam Mohamad. Konsep Zikir Darajah Dalam Disiplin Ilmu Tarekat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 8 (2014): 61-72.
- ‘Umar Abd Allāh al-Kāmil, *al-Taṣawwuf baina al-Ifraṭ wa al-Tafrīṭ*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2001.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. *Penyebaran Thariqat-Thariqat Shufiyyah Mu’tabarah di Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2000.
- Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsu’ah al-Fiqhīyyah*, ed. 3. Kuwayt: Taba‘ah Dhat al-Salāsil, 1986.